



31 Mac 2017
31 March 2017
P.U. (A) 95

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PASPORT (PENGECCUALIAN VISA KEPADA PELANCONG WARGANEGARA INDIA) 2017

PASSPORTS (EXEMPTION OF VISA TO TOURIST WHO IS CITIZEN OF INDIA) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (PENGECUALIAN VISA KEPADA PELANCONG
WARGANEGARA INDIA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*],
Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Pengecualian Visa kepada Pelancong Warganegara India) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 1 April 2017
hingga 31 Mac 2018.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan pelancong yang merupakan warganegara India daripada
kehendak visa di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) pelancong itu hendaklah berdaftar dalam sistem pendaftaran dan
maklumat perjalanan elektronik dan pendaftaran itu boleh dibuat—

(i) oleh pelancong itu sendiri; atau

(ii) bagi pihak pelancong itu, oleh agensi pelancongan di India yang
berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Malaysia di India;

(b) pelancong itu hendaklah melakukan perjalanan ke Malaysia dalam
tempoh tiga bulan selepas dia berdaftar dalam sistem pendaftaran dan
maklumat perjalanan elektronik;

(c) tempoh lawatan pelancong itu terhad kepada lima belas hari sahaja dan
tidak boleh dilanjutkan;

(d) pelancong itu hendaklah memasuki dan keluar dari Malaysia hanya melalui pintu masuk yang dibenarkan seperti yang berikut:

(i) melalui udara—

(A) U21A Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang;

(B) U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;

(C) U15 Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor;

(D) U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak;

(E) U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah;

(F) U02 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, Kedah;

(G) U14 Lapangan Terbang Melaka, Batu Berendam, Melaka;

(H) U16 Lapangan Terbang Labuan, Wilayah Persekutuan; atau

(I) U23 Lapangan Terbang Miri, Bahagian Keempat, Sarawak; atau

(ii) melalui darat—

(A) D11 Bangunan Sultan Iskandar, Johor;

- (B) D12A Pos Kawalan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor;
 - (C) D01 Padang Besar, Perlis;
 - (D) D06 Bukit Kayu Hitam, Kedah;
 - (E) D20 Sungai Tujoh, Miri, Sarawak; atau
 - (F) D22A Pos Kawalan Imigresen Tedungan, Limbang, Sarawak;
- (e) pelancong itu tidak dibenarkan untuk memohon apa-apa pas lain di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*L.N. 228/1963*];
- (f) pelancong itu hendaklah menaiki penerbangan terus dari India ke Malaysia atau memasuki Malaysia melalui Singapura, Thailand atau Brunei, dan mempunyai tiket penerbangan balik terus ke India, atau melalui Singapura, Thailand atau Brunei jika pelancong itu melakukan perjalanan melalui udara;
- (g) pelancong itu hendaklah, semasa ketibaan, mengemukakan bukti bahawa dia mempunyai wang poket yang mencukupi, kad kredit atau kad bank, dan mengemukakan jadual perjalanannya di Malaysia; dan
- (h) pelancong itu dibenarkan untuk mendaftar semula untuk memasuki Malaysia selepas tempoh tiga bulan dari tarikh dia meninggalkan Malaysia.